



Kenyataan Dasar

2/2023

Date: 27 Disember 2023

Perkembangan Ekonomi Global Dan Serantau

1. Dalam laporan *World Economic Outlook* yang diterbitkan pada Oktober 2023, International Monetary Fund (IMF) mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global bagi tahun 2023 pada kadar 3.0% dan menurunkan unjuran pertumbuhan bagi tahun 2024 daripada 3.0% kepada 2.9%. Dengan keadaan kewangan global yang ketat, senario kemelesetan ekonomi yang diramalkan pada awal tahun ini telah terkawal. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi global masih perlahan dan tidak seimbang, dengan perbezaan semakin ketara bagi pertumbuhan pelbagai ekonomi. Masih terdapat risiko penurunan pertumbuhan global, termasuk pembelahan geopolitik dan peningkatan sekatan perdagangan, krisis hartanah yang semakin teruk di China, ruang fiskal yang berkurangan di kebanyakan negara berikutan tahap hutang yang tinggi, dan isu perubahan iklim yang terus menjejaskan harga tenaga dan makanan.
2. Inflasi global dijangka akan terus menurun daripada paras tertinggi iaitu 8.7% pada tahun 2022 kepada 6.9% bagi tahun 2023, dan 5.8% pada tahun 2024. Ini adalah hasil daripada usaha kolektif bank-bank pusat untuk mengawal inflasi. Walau bagaimanapun, kadar inflasi masih tinggi daripada sasaran bank-bank pusat bagi kebanyakan ekonomi. Pada separuh kedua tahun 2023, bank-bank pusat global dan serantau telah mula mengurangkan pengetatan dasar monetari, di mana beberapa bank-bank pusat telah memberhentikan sementara kenaikan kadar faedah atau mengekalkan dasar monetari mereka. Secara amnya, dasar monetari dijangka kekal ketat dalam tempoh masa terdekat, dan halatuju dasar selanjutnya akan bergantung kepada kesan daripada langkah-langkah kenaikan kadar faedah yang terdahulu.
3. Dalam pasaran komoditi, harga minyak telah mencatatkan peningkatan yang tinggi pada suku ketiga tahun 2023. Ini disebabkan oleh Arab Saudi dan Rusia melanjutkan pengurangan pengeluaran minyak

sehingga hujung tahun 2023, dan juga larangan sementara eksport diesel oleh Rusia bagi memenuhi kekurangan bekalan domestik. Memandang ke hadapan, halatuju harga minyak akan bergantung kepada faktor-faktor bekalan seperti tahap inventori minyak global, pengeluaran minyak negeri-negeri Organisation of Petroleum Exporting Countries Plus (OPEC+), dan permintaan global. Harga gas asli telah meningkat disebabkan oleh peningkatan permintaan bagi persiapan musim sejuk dan juga pemotongan bekalan gas oleh Rusia. Tren peningkatan harga gas asli dijangka akan berterusan dalam tempoh masa terdekat.

Perkembangan Ekonomi Negara Brunei Darussalam

4. Pada separuh pertama tahun 2023, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara Brunei Darussalam menurun pada kadar 1.1% tahun-ke-tahun. Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan sebanyak 7.8% tahun-ke-tahun dalam Sektor Minyak dan Gas mengambil kira penurunan aktiviti Perlombongan Minyak dan Gas sebanyak 7.4% dan Pembuatan Gas Cecair Asli (LNG) sebanyak 9.4%. Sektor Bukan Minyak dan Gas mencatat pertumbuhan sebanyak 5.3% tahun-ke-tahun disumbangkan oleh perkembangan dalam Sektor Pengangkutan Udara, Kewangan dan Pembuatan Lain-lain, manakala Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan telah menurun sebanyak 2.7% tahun-ke-tahun dengan penurunan aktiviti-aktiviti pengeluaran Perikanan; dan Sayur-Sayuran, Buah-Buahan dan Pertanian Lain.
5. Prestasi ekonomi sepanjang tahun 2023 dan 2024 akan tertakluk kepada aktiviti-aktiviti ekonomi domestik, prestasi projek pelaburan langsung asing (FDI) yang sedia ada, dan kemajuan pelaksanaan projek FDI baharu. Risiko penurunan kekal dengan jangkaan permintaan luaran yang lembap dan tahap pengeluaran minyak mentah dan LNG yang rendah. Secara amnya, sentimen perniagaan sektor swasta adalah sedikit optimistik dengan purata Indeks Sentimen Perniagaan (*Business Sentiment Index*) pada kadar 50.1 bagi sepuluh bulan pertama pada tahun 2023. Sebahagian perniagaan merancang untuk menambah tenaga kerja dan meningkatkan tahap pelaburan dalam masa terdekat. Walau bagaimanapun, cabaran-cabaran masih dihadapi di kalangan peniaga-peniaga seperti peningkatan kos perniagaan, dan kesukaran mendapatkan dan mengekalkan tenaga kerja.
6. Selaras dengan tren penurunan kadar inflasi global, Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan kadar inflasi yang lebih rendah pada tahun 2023 berbanding tahun 2022. Indeks Harga Pengguna (IHP) mencatatkan peningkatan pada kadar 0.3% tahun-ke-tahun bagi tempoh sepuluh bulan pertama 2023 berbanding kenaikan 3.8% tahun-ke-tahun pada tempoh yang sama pada tahun 2022. Peningkatan ini

sebahagian besarnya didorong oleh kenaikan harga Makanan seperti Daging, Beras dan Bijirin; dan Restoran dan Hotel termasuk Perkhidmatan Katering.

7. Kadar inflasi yang rendah di Negara Brunei Darussalam juga didorong oleh beberapa faktor seperti subsidi, kawalan harga bagi sebahagian barangan, dan dasar monetari iaitu kesamarataan nilai dolar Brunei dan nilai dolar Singapura. Dengan adanya faktor-faktor tersebut dan pengekalan tahap dasar monetari Monetary Authority of Singapore (MAS) pada Oktober 2023, kesan inflasi yang diimpot ke atas harga domestik adalah terkawal. Berdasarkan faktor-faktor di atas dan data IHP terkini, BDCB menurunkan unjuran inflasi Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2023 kepada lingkungan 0.0% hingga 1.0%.

Perkembangan Sektor Monetari dan Kewangan Negara Brunei Darussalam

8. Selaras dengan persekitaran kadar faedah serta keadaan ekonomi dan pasaran global terkini, setakat penghujung November 2023, Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan Monetari (FMSC) telah mengekalkan Kadar Pinjaman Semalaman (*Overnight Standing Facility*) BDCB pada 4.0% dan Kadar Simpanan pada 1.5%. Ini adalah untuk memastikan operasi monetari BDCB kekal selaras dengan prinsip Lembaga Mata Wang (*Currency Board*) dan pada masa yang sama, untuk menggalakkan aktiviti pasaran wang domestik. BDCB akan sentiasa memastikan tahap kecairan yang mencukupi untuk mendukung keberkesanan sistem kewangan domestik.
9. Pada suku ketiga tahun 2023, sektor kewangan Negara Brunei Darussalam, yang terdiri daripada institusi-institusi kewangan Islam dan konvensional, merekodkan penurunan aset sebanyak 5.9% tahun-ke-tahun di mana nilai keseluruhan aset adalah berjumlah BND23.3 bilion dan BND13.3 bilion merupakan aset kewangan Islam, manakala nilai aset sektor konvensional adalah berjumlah BND10.0 bilion. Institusi-institusi penerima deposit menyumbang sebanyak 91.7% kepada jumlah keseluruhan aset sektor kewangan dengan nilai aset berjumlah BND21.4 bilion.
10. Berdasarkan analisis dan penilaian kehematan makro (*macro-prudential*) BDCB bagi suku ketiga tahun 2023, risiko luaran dan makroekonomi tempatan adalah terdedah kepada volatiliti ekonomi global. Walau bagaimanapun, industri perbankan kekal kukuh dan berdaya tahan dengan Agregat *Capital Adequacy Ratio* (CAR) sebanyak 19.6%, iaitu melebihi keperluan minima 10.0% seperti yang ditetapkan di dalam Perintah Perbankan, 2006 dan Perintah Perbankan Islam, 2008. Industri perbankan juga mempunyai aset cair yang mencukupi untuk mendukung aktiviti-aktiviti perantara kewangan

dengan Nisbah Aset Cair kepada Aset Keseluruhan [*Liquid Assets-to-Total Assets*] sebanyak 45.5% pada suku ketiga tahun 2023. Jumlah keseluruhan aset industri perbankan telah menurun sebanyak 6.7% tahun-ke-tahun kepada BND19.4 bilion disebabkan oleh penurunan dalam deposit sebanyak 9.7% tahun-ke-tahun kepada BND16.0 bilion, terutamanya bagi simpanan bertempoh [*time deposits*]. Walau bagaimanapun, pulangan keuntungan dari industri perbankan telah meningkat dengan agregat Nisbah Pulangan kepada Aset [*Return on Assets*] dan Pulangan kepada Ekuiti [*Return on Equity*] masing-masing pada kadar 2.2% dan 14.2%, didorong oleh persekitaran kadar faedah/keuntungan global yang masih tinggi.

11. Pada suku ketiga tahun 2023, bank-bank terus membekalkan aliran kredit kepada ekonomi dengan peningkatan jumlah keseluruhan pinjaman/pembiayaan sebanyak 6.2% tahun-ke-tahun kepada BND6.9 bilion. Peningkatan ini disumbangkan oleh aktiviti pinjaman/pembiayaan sektor perniagaan, terutamanya Sektor Hartanah Komersial dan Perkhidmatan. Kualiti aset bagi industri perbankan telah bertambah baik pada suku ketiga tahun 2023 dengan Nisbah Bersih Pinjaman/Pembiayaan Tertunggak Bersih [*Non-Performing Loans/Financing*] pada 1.6% berbanding dengan 2.0% pada tahun sebelumnya.
12. BDCB sentiasa mengenalpasti dan membangunkan rangka kerja pengawalseliaan yang sesuai selaras dengan amalan terbaik. Ke arah ini, satu garis panduan baharu iaitu *Guidelines on Liquidity Risk Management* yang menggariskan prinsip dan amalan terbaik dalam pengurusan risiko kecairan bagi seluruh operasi perbankan telah dikeluarkan kepada semua bank.
13. Dalam bidang pasaran modal, BDCB telah mengeluarkan *Notice on the Commencement of Continuing Professional Development (CPD) Framework* dengan tujuan untuk menggalakkan pembangunan pengetahuan dan kemahiran berterusan dalam industri pasaran modal. Bagi memperkukuhkan lagi pelaksanaan perniagaan pelaburan Islam bagi pemegang *Capital Markets Services Licence (CMSL)*, BDCB juga telah mengeluarkan Notis dan Garispanduan mengenai *Conducting Islamic Investment Business* bagi keperluan tambahan dan memberikan panduan mengenai aspek operasi pelaksanaan perniagaan pelaburan Islam.
14. BDCB juga akan mengeluarkan *Notice on Adoption of National QR Code Standards* dalam bidang pembayaran yang dijangka akan menyumbang ke arah pengembangan rangkuman kewangan dan penggunaan pembayaran digital, dan *Guideline on the Issuance of Debentures - Amendment No. 1* yang bertujuan untuk memberikan panduan mengenai penerbitan bon yang berpandukan kepada *ASEAN Sustainability-Linked Bond Standards*.

15. Dengan mengambilkira impak risiko tidak patuh Syara' ke atas kestabilan kewangan, BDCB telah membuat pindaan kepada *Notice on Syariah Governance Framework* (SGF) khususnya untuk memperkukuhkan lagi tugas dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Badan Penasihat Syariah dan pihak pengurusan, serta memisahkan fungsi-fungsi pengawalseliaan Syariah tertakluk kepada sifat, saiz dan kerumitan institusi-institusi kewangan. Notis ini juga bertujuan untuk meningkatkan kepercayaan dan keyakinan masyarakat, dengan menghendaki institusi-institusi kewangan Islam untuk mendedahkan status kepatuhan Syara' di dalam penyata kewangan tahunan. BDCB juga telah menerbitkan *Notice on Syariah Non-Compliance* yang menghendaki institusi-institusi kewangan Islam untuk melaporkan kejadian tidak patuh Syara' dan pelan pembetulannya kepada BDCB.
16. BDCB juga telah mengeluarkan *Notice on Appointment of Syariah Advisory Bodies* dan *Guidelines on Fitness and Propriety of Syariah Advisory Bodies* bertujuan untuk memperkukuhkan lagi kompetensi penasihat-penasihat Syariah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan berkesan demi memastikan perniagaan dan aktiviti institusi-institusi kewangan Islam adalah patuh Syara'.
17. Negara Brunei Darussalam juga telah menyelesaikan proses Penilaian Bersama *Asia Pacific Group on Money Laundering* (APG), yang menilai tahap pematuhan Negara kepada piawaian antarabangsa pembanterasannya pembersihan wang haram dan pembiayaan pengganasan (AML/CFT). Plenari APG telah mengesahkan Laporan Penilaian Bersama pada 13 Julai 2023, di mana Negara Brunei Darussalam telah dinilai mempunyai tahap keberkesanan *Substantial* dalam lima bidang iaitu risiko nasional, dasar dan koordinasi, kerjasama antarabangsa, penggunaan perisikan kewangan, penyiasatan dan pendakwaan pembiayaan pengganasan, dan langkah-langkah berwaspada termasuk sekatan kewangan berhubung pembiayaan pengganasan. Sebagai persediaan untuk Penilaian Bersama pada tahun 2030, BDCB akan terus memberikan komitmen untuk memantau pematuhan Negara Brunei Darussalam terhadap piawaian AML/CFT antarabangsa seperti yang digariskan dalam Saranan *Financial Action Task Force* (FATF).
18. BDCB akan sentiasa memantau dan mendukung pembangunan industri kewangan domestik dan ekonomi secara keseluruhan. Mengambilkira cabaran-cabaran dalam ekonomi global dengan risiko monetari yang lebih ketat dalam tempoh masa lebih panjang serta tekanan geopolitik, BDCB akan terus memastikan kesesuaian rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaan bagi memelihara kestabilan monetari dan kewangan Negara Brunei Darussalam.

Sumber data:

Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)

Jabatan Perangkaan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi

International Monetary Fund (IMF)